

KAEDAH PENGUMPULAN DATA KUALITATIF KAJIAN PENGGUNAAN HERBA TRADISIONAL DALAM KALANGAN PESAKIT DIABETES JENIS II DI NEGERI SEMBILAN

Hapsah Mohd Dusa¹, Norbaidurah Ithnain¹, Mohamad Zabri Johari¹, Norazilah Mohd Roslan¹, Rosnani Kassim¹, Dr. Khalijah Yusof², Dr. Manimaran A/L Krishnan¹

Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia¹ Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan²

Pengenalan: Proses pengumpulan data penyelidikan kualitatif memberi peluang mendapat data yang berciri, memberi makna, data yang tidak dijangka atau diandai dan memperoleh data yang mendalam serta dapat menjelaskan sesuatu isu yang dikaji.

Objektif: Mengetahui kaedah pungutan data kualitatif cara temubual individu secara bersemuka dan mendalam (IDI) kepada informan.

Kaedah: Seramai 70 orang pesakit diabetes jenis II terlibat dalam kajian ini. Informan dipilih secara bertujuan dan tidak berasaskan kebarangkalian serta berdasarkan tiga domain iaitu etnik, jantina dan lokaliti. Kaedah temu bual ini dilaksanakan pada Ogos 2017 hingga Mac 2018 di empat klinik di Negeri Sembilan.

Keputusan: Terdapat dua cara mendapatkan informan, iaitu dari jururawat di klinik dan oleh moderator sendiri. Informan dipilih mengikut kriteria yang ditetapkan seperti bersetuju menjadi informan, berumur melebihi 30 tahun, telah menggunakan herba tradisional dalam tempoh 12 bulan dan telah didiagnos sebagai pesakit diabetes jenis II selama tiga tahun. Temubual dilaksanakan di tempat yang selesa dan privasi pilihan informan. Moderator telah mematuhi etika dengan memastikan temubual dan rakaman mendapat kebenaran bertulis informan. Moderator memulakan temubual dengan membina *rapport* dan mempamerkan kemahiran komunikasi secara verbal dan non verbal yang kompeten terhadap informan serta memberi keutamaan kepada perspektif informan. Moderator menerima semua jawapan informan dan tidak memberi nilai sama ada jawapan itu betul atau salah dan informan bebas memberi pendapat. Moderator tetap objektif dan mendengar serta merekod segala maklumat tanpa mengubah apa-apa makna serta tidak menghakimi jawapan informan. Moderator menggunakan teknik penyualan berkesan dengan bertanyakan satu soalan separa berstruktur pada satu masa, meminta semula penjelasan terhadap respons yang kabur dan bertanyakan soalan-soalan terbuka. Moderator berusaha mengelakkan soalan terarah dan bias dengan menggunakan soalan-soalan penerokaan mendalam atau *probing*. Pengalaman, personaliti dan emosi yang berbeza menjadikan informan mengekspresi diri mereka dengan pelbagai cara. Moderator mendokumentasikan data temubual dan pemerhatian fizikal melalui rakaman pita suara, video dan menulis nota. Data temubual yang telah dirakam, dibuat transkrip verbatim, semakan oleh moderator dalam kumpulan sebelum dianalisa. Analisis ini membolehkan moderator memetik ungkapan sebenar informan dan dijadikan bukti kepada jawapan-jawapan yang dicari dalam soalan kajian.

Kesimpulan: Majoriti informan berasa gembira dan catharsis ketika ditemubual kerana mereka berpeluang menyatakan perspektif sendiri, melepaskan emosi sedih dan membuat pendedahan sendiri kepada moderator terhadap soalan-soalan separa berstruktur. Kajian kualitatif perlu bersedia menerima perspektif dan gaya yang berbeza dan membina kemahiran berinteraksi dengan informan yang berbeza.

Kata kunci: herba tradisional, pesakit diabetes jenis II, Negeri Sembilan.